Hukum *Injection* dalam bulan puasa

Dayang Hasanah, Kampung Masjid Kinaweh, Sarawak bertanya: Dalam masa sedang berpuasa saya ada berasa badan kurang baik dan telah pergi kepada tabib maka saya sampai berubat dengan *inject* (berubat secara cucuk)- apakah hukumnya?

Jawab: Seseorang yang didapati sakit dan sakitnya itu boleh membawa mudarat adalah diluluskan tidak boleh meneruskan puasanya, dia boleh kalau sihat kemudiannya men*qada'* puasanya, atau pun membayar *fidyah* sebagai ganti puasanya itu. Tentang *injection* tidak dapat ditentukan hukumnya dengan tepat, dengan umum apakah batal puasa dengan sebab *injection*, kerana *injection* itu ada berjenis-jenis keadaannya. Ada *injection* yang hanya meliputi sempadan-sempadan yang sedikit juga di dalam daging tetapi ada juga *injection* yang terus masuk ke dalam rongga atau dicucuk di dalam rongga. Jadi tidak ada satu hukum yang tepat mengenai *injection* itu melainkan diketahui apakah jenis *injection* yang diberi, di mana *injection* itu dicucukkan. Jadinya tidak ada ketentuan yang mengkhusus tentang *injection* itu- hanya yang dpaat ditentukan ialah *injection* itu mestilah dilihat keadaan dan rupanya.

* * *

Usman bin Salim, Bohor Mali, Kangar, Perlis bertanya: Apa hukum sardin ikan yang di dalam tin yang datang dari luar negeri, kerana saya pernah mendengar cerita daripada bekas rejimen di masa Perang Dunia yang Kedua, dia mengatakan bahawa sardin adalah termasuk minyak babi yang dicampur semasa hendak dimasukkan ikan ke dalam tin. Sekiranya tidak dimasukkan minyak babi ikan yang ada tidak boleh tahan lama. Perkhabaran yang didapatnya itu ialah perkhabaran yang *mutawatir* iaitu daripada ketua-ketuanya bangsa Inggeris yang berpangkat tinggi.

Jawab: Menentukan benar tidaknya ikan sardin itu dicampur dengan minyak babi mestilah diadilkan oleh pihak yang bertanggungjawab di dalam perkara agama negeri ini. Khabar-khabar yang begitu sahaja tidak boleh dipakai. Maka itu molek benar bagi tuan menulis kepada pejabat agama bertanyakan hal itu dan minta supaya jabatan itu menghantar beberapa jenis sardin yang ada dijual di Persekutuan Tanah Melayu ini kepada penjabat analisa (PENAPIS) yang akan memberi jawapan-jawapan yang tepat: Apa betulkah di dalam ikan sardin itu ada digunakan minyak babi seperti yang tuan katakan itu.

* * *

M. Nur Azmi Jaafar, Batu 2 Rungkup, Bagan Datoh, Perak, bertanya:

1. Seorang yang mempelajari agama Kristian, adakah salah dalam agama Islam?
2. Bagaimana hukuman dalam Islam, orang-orang yang memasuki kursus-kursus agama Kristian, pada hal dalam pelajaran-pelajaran kursus itu ada pertanyaan-pertanyaan mengenai kepercayaan kita yang sudah tentu salah dalam Islam, misalnya: Kita harus mempercayai Isa anak Tuhan, adakah perbuatan membenarkan itu terjatuh dalam syarak?

Jawapan kepada soalan yang pertama bahawa agama Islam itu tidak menegah untuk mempelajari sesuatu yang dipandang berguna sekalipun mempelajari Kristian asalkan sahaja kita tidak beriktikad dengan iktikad-iktikad

yang *thabat* yang dipegang oleh mereka itu. Mempelajari selok-belok agama Kristian itu, terutamanya bagi orang-orang yang mahu menjadi pendakyah agama Islam, tidak ada halangan sebab dengan mempelajari itu dapat ia menjadikan perbandingan dalam pengertian agama Islam dengan Kristian dan mudah ia kelak mematahkan lawan-lawannya itu. Tetapi kalau ia mempelajari itu lalu beriktikad dengan iktikad yang dipegang oleh Kristian maka sudah barang tentu yang demikian ditegah.

Begitu juga dengan jawapan yang kedua kita boleh mengetahui dan mengupas pendapat mereka itu tetapi meyakinkan bahawa Isa anak Tuhan, dan mengiktikadkan yang demikian itu maka sudah terang bahawa itu menjadikan ia syirik atau kufur kerana Maha Suci Tuhan daripada beranak seperti yang diiktikadkan oleh mereka itu. Jadi kalau sekadar untuk penyiasatan dan tidak diiktikadkan demikian itu kerana ada sesuatu hajat maka kita berkeyakinan bahawa cara itu tidak salah tetapi jika yang belajar itu tidak mempunyai asas keyakinan tentang agama sendiri kita nasihatkan supaya jangan mempelajari agama itu- kita takut nanti dengan kekurangan itu ia lalu beriktikad sebagaimana yang diiktikadkan oleh orang-orang Kristian itu.

* * *

Ramli Nur Ahmad, Batu 3 Setengah, Sabak Road, Kota Bharu, Kelantan, bertanya:

Dalam ingatan saya menurut Akhbar Melayu tempatan tahun 1956 seorang professor dari Republik Indonesia, sekembalinya dari melawat Rusia menerangkan bahawa rakyat Rusia itu sudah mendapat kemajuan dalam segala lapangan, tetapi yang lebih mengkagumkan ialah anak-anak orang Rusia itu semenjak dari sekolah rendah sampai lulus ke universiti adalah terjadi dengan percuma (ditanggung oleh kerajaaan), kalau betul demikian tentulah tidak syak lagi bahawa pemerintahan Rusia itu adalah yang terbaik sekali yang pernah wujud di muka bumi ini, kerana ilmu itu ialah senjata utama untuk hidup sebaliknya kerajaan Malaya, jangankan akan memberi *scholarship* kepada anak-anak yang layak, umur lebih dua atau tiga hari sudah tidak diterima masuk sekolah, dan juga bermacam-macam jalan lain lagi untuk menyekat pelajaran itu. tetapi sungguhpun demikian kerajaan Malaya selalu mendakyahkan keburukan dan kebusukan pemerintahan Rusia itu.

Adakah dakyah kerajaan Malaya itu bohong semata-mata, atau hanya mengaburi mata rakyat kerana mempertahankan kedudukan sendiri, atau professor Indonesia itu bercakap bohong?

Jawab: Tiap-tiap kerajaan dan pemerintahan sesuatu negeri itu mempunya dasar-dasar pelajaran yang dibuat mengikut cara-cara yang dikehendaki oleh negara itu sendiri. Cara penjajahan, dasar pelajarannya sudah tentu dibuat untuk melemahkan kedudukan anak negeri itu sehingga di dalam dasar-dasarnya dibuat supaya anak-anak negeri itu tidak dapat bangkit atau bangun untuk menentang penjajahan dan melazimkan mereka bergantung dan berharap kepada tenaga orang lain.

Di negara Komunis sememangnya pelajaran-pelajaran itu diberi percuma oleh kerajaan mengikut acuan yang dikehendaki oleh Komunis itu sendiri, dalam kebudayaannya dan dalam serba-serbinya diatur menurut kaedah Komunis itu sendiri. Kita jangan hairan kepada yang demikian itu kerana semenjak dari anak-anak itu lagi mereka dibenarkan bersekolah dari umur lima tahun, di dalam sekolah yang berupa *kindergarden* jiwa anak-anak itu dididik supaya mempercayai dan membesarkan hanya kepada peringatan-peringatan Komunis itu sahaja. Dengan memaksakan pengajaran-pengajaran yang demikian maka dengan sendirinya anak-anak

tadi, apabila sudah dewasa tidak akan dapat berfaham lain dan berpengertian lain seperti apa yang telah dibuat oleh mereka. Agama tidak ada dan segala-galanya tidak ada. Jadi ajaran yang tidak dapat menerima fikiran serta pendapat baik selain daripada yang dibuat dan diselenggarakan oleh kerajaan Rusia itu tidak lain melainkan membuat satu acuan faham Komunis itu berjalan dengan megahnya, dipegang dengan taksub atau fanatik oleh anak-anak mereka itu sendiri. Sebaliknya kerajaan-kerajaan seumpama Malaya ini sungguhpun kita melihat banyak sekolah-sekolah yang dibuat oleh kerajaan dan diacu mengikut sistem penjajahan tetapi di sini masih boleh lagi anak negeri, jika mahu, memberi pengajaran-pengajaran yang lain daripada yang dibuat acuannya oleh pemerintah seperti Rusia itu- di sana tidak ada sekolah-sekolah lain daripada sekolah yang dibina oleh kerajaan- itu tidak dibolehkan. Di Malaya ini, di sini sekolah-sekolah agama masih dibenarkan: Sekolah Kristian, sekolah Islam dan sekolah-sekolah lainnya sehingga pengertian hendak menjadi Komunis pun dibenarkan- dengan dikaji asalkan sahaja jangan melaksanakan kekerasan yang merosakkan negeri ini. Jadi di sini masih ada peluang membuka fikiran selain dari yang dibuat acuannya oleh kerajaan. Dan perkataan *council* Indonesia itu sendiri benar mengikut seginya yakni semuanya percuma dan semuanya dibelanjai oleh kerajaan dan dipaksakan oleh kerajaan tetapi hanya di sekolah-sekolah yang didirikan oleh kerajaan untuk tujuan-tujuan yang dimaksudkan oleh kerajaan supaya apabila yang tua-tua daripada pengikut-pengikut Komunis atau pengikut-pengikut Rusia itu mati maka yang muda-muda itu sudah menjadi Komunis yang tulen, yang jati dan yang sudah cukup kuat.

Saudara boleh fikir sendiri dan saudara bebas melihat keadaan-keadaan di sekeliling saudara adakah kita hanya dibenarkan semata-mata dalam hal yang mengenai sekolah kerajaan sahaja dan ditegah memasuki sekolah-sekolah rakyat.

Bacalah! Hampir siap!

KHĀLID IBN AL-WĀLĪD

Oleh

ABDULLAH BASMEH

Riwayat Hidup Pahlawan Islam yang Terbilang!

Pintalah kepada penerbit: Qalam, Singapura.